

Henti budaya menuding jari

UTUSAN MALAYSIA

7/9/2016 p. 13



**NOOR MOHAMAD
SHAKIL HAMEED**

MASYARAKAT kita kelihatan sudah terlalu terbiasa dengan budaya menuding jari dan mencari kesalahan atau menyalahkan orang lain dalam pelbagai urusan harian. Ternyata walau apapun kebaikan yang dibuat atau rekod cemerlang selama ini, pasti ada pihak yang seolah-olah sengaja mencari kelemahan dalam kebaikan tersebut. Prinsipnya, kalau sudah memang niat kita dari awal lagi hendak mencari kesalahan maka percayalah pasti kita boleh dan akan menemui 1001 kesalahan.

Persoalannya, apakah faedah dan manfaat dalam kita melakukan kerja seperti ini kalau bukan bertujuan menjatuhkan reputasi, imej mahupun meruntuhkan keyakinan dan kepercayaan masyarakat dan adakah ini sikap yang wajar dicontohi?

Hakikatnya, sikap negatif seperti ini dalam kalangan segelintir masyarakat mula memberi kesan yang kurang baik kepada institusi keluarga, organisasi dan juga negara secara keseluruhannya. Dalam institusi keluarga misalnya, cuba bayangkan jika ada anggota keluarga yang secara berterusan bersikap dingin dan asyik mencari kesalahan anggota keluarga lain. Kalau ibu dan bapa menuding jari kepada anak-anak, si abang pula menyalahkan adik dan sebaliknya, apa hala tuju keluarga seperti ini? Sudah pasti kehidupan keluarga seperti ini tidak akan aman dan harmoni.

Begitu juga halnya dalam masyarakat yang terdiri daripada pelbagai kategori anggota masyarakat. Andai masing-masing tidak mahu bertolak ansur dan terus menuding jari menyalahkan orang lain apakah kita mampu menzahirkan impian untuk terus memperkukuhkan semangat kesatuan dan perpaduan dalam kalangan anggota masyarakat?

Sikap asyik menyalahkan individu, organisasi seperti pelbagai agensi dan jabatan kerajaan mahupun kerajaan secara keseluruhannya sedikit pun tidak akan menyumbang kepada kebaikan.

Sebagai contoh, apabila kes jenayah, rasuah dan juga ancaman kumpulan militan seperti Daesh semakin meningkat, kita dengan



MUTAKHIR ini pelbagai agensi kerajaan mula dilihat menjadi mangsa kerakusan serangan sehingga mencetuskan konflik kepercayaan dalam kalangan masyarakat yang berpunca daripada wujudnya budaya menuding jari. - GAMBAR HIASAN/UTUSAN

mudahnya menuding jari menyalahkan pihak berkuasa kononnya tidak menjalankan tanggungjawab dengan baik. Tetapi apakah kita sedar mana mungkin gejala seperti ini misalnya rasuah akan berleluasa andai kita tidak mulakannya? Bukankah sikap segelintir masyarakat yang suka memberi suapan menyumbang kepada peningkatkan kes rasuah?

Begitu juga halnya dengan ancaman militan Daesh, bukannya sikap segelintir masyarakat yang mudah terpengaruh menyebabkan bilangan rakyat ini menyertai kumpulan Daesh semakin meningkat. Justeru dalam konteks ini siapa yang bersalah sebenarnya, pihak berkuasa yang begitu serius cuba menangani situasi ini dengan melakukan tangkapan demi tangkapan atau segelintir masyarakat yang terus menjadi duri dalam daging?

Bagi penulis adalah tidak wajar dan tidak adil untuk terus menyalahkan orang lain sedangkan diri sendiri menjadi antara punca utama kepada semua masalah tersebut.

Sebuah organisasi itu juga boleh hancur andai sikap seperti ini terus bermaharajalela. Bercakap tentang organisasi ini, kita boleh kupas dari aspek serangan dari dalam dan juga luar organisasi. Misalnya, staf organisasi itu sendiri secara berterusan mengkritik dan mencari kesalahan.

Apakah organisasi seperti ini mampu bertahan dan terus maju? Secara prinsipnya anggota organisasi adalah tulang belakang kekuatan sebuah organisasi. Jika ada dalam kalangan mereka tidak

yakin dan percaya serta terus menuding jari pasti reputasi organisasi akan merudum.

Dalam konteks ini mereka yang sepatutnya mempertahankan imej organisasi akan menghancurkannya sendiri kerana sikap tuding jari akan menimbulkan perasaan curiga dan syak wasangka dalam kalangan semua anggota organisasi sekali gus memecahbelahkan perpaduan dan kesepakatan mereka.

Mutakhir ini perkara ini banyak berlaku dalam masyarakat apabila pelbagai agensi kerajaan dilihat mula menjadi mangsa rakus serangan sehingga mencetuskan konflik kepercayaan dalam kalangan masyarakat. Percayalah budaya tuding jari ini tidak sihat dan akan hancurkan semua dipertahankan selama ini.

Ringkasnya, apakah adil dan wajar untuk menyalahkan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) semata-mata apabila gejala rasuah meningkat atau menyalahkan Polis Diraja Malaysia (PDRM) apabila kes jenayah meningkat? Betul, memang tanggungjawab mereka untuk membantulas dan menangani kes-kes seperti ini namun persoalannya bagaimana pula dengan tanggungjawab moral dan sosial kita sebagai anggota masyarakat? Apakah tanggungjawab dan keprihatinan ini sekadar menuding jari menyalahkan mereka?

Percaya ataupun tidak tatkala kita terlalu gah menuding jari mencari kesalahan atau menyalahkan orang lain, kita lupa dan leka betapa empat lagi jari kekal

setia terarah pada diri kita sendiri. Jangan terlalu yakin bahawa orang akan memuji sikap lantang dan berani kita melondehkan kelemahan dan kesalahan orang lain kerana hidup ini umpama roda yang mana tidak selamanya seseorang itu akan berada di atas mahupun di bawah. Apatah lagi kita sering ditegah dan dididik agar tidak sesekali mengaibkan orang lain.

Hakikatnya, tidak salah untuk menegur kesilapan mahupun kelemahan orang lain asalkan niat baik dan dilakukan dalam keadaan yang cukup tertib dan berhemah. Semua orang tidak terlepas daripada melakukan pelbagai kesalahan sama ada secara sengaja mahupun tidak sengaja.

Dan memang wajar untuk kita saling tegur menegur dan ingat mengingati demi kebaikan bersama. Justeru adalah lebih wajar menegur dengan cara yang lebih sopan daripada terus menghentam sehingga mengaibkan.

Masyarakat negara ini perlu ada budaya bersyukur dengan nikmat yang dikecapi, menghargai sumbangan orang lain serta menegur untuk penambahbaikan berterusan.

Biarlah menegur dengan niat dapat membantu memperbaiki atau memperbaiki segala kelemahan dan kesalahan yang ada. Lagi elok jika boleh mengemukakan pelbagai cadangan penambahbaikan supaya pihak yang berkaitan dapat memperbaiki kesilapan mereka.

PENULIS ialah Ketua Bahagian Hal Ehwal Pelajar Universiti Putra Malaysia.